

15 SEP 1998

BBC-Anwar

KELAB PENYOKONG KERAJAAN AKAN JELASKAN KEPADA RAKYAT

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Para Anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) akan turun padang untuk memberi penjelasan kepada rakyat di kawasan masing-masing mengenai isu sebenar di sebalik pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari kerajaan dan UMNO baru-baru ini.

Presiden Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), Ruhanie Ahmad berkata, penjelasan itu amat penting bagi menghilangkan keraguan dan kekeliruan di kalangan rakyat mengenai isu yang dihadapi oleh Anwar.

"Kami berasa bertanggungjawab untuk membantu kerajaan membuat penjelasan dalam hal ini supaya rakyat akan beroleh penjelasan yang sejelas-jelasnya dan tidak dirasuk oleh sebarang anasir yang mungkin boleh mengelirukan mereka," katanya pada persidangan berita selepas pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri petang ini.

Pada pertemuan yang dihadiri oleh 75 daripada 92 anggota BBC itu, semua wakil parti-parti komponen BN berikrar memberi sokongan padu kepada Dr Mahathir dalam menghadapi kegawatan politik berikutan pemecatan Anwar.

Anwar, yang dikaitkan dengan masalah salahlaku moral, dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 September lepas dan daripada UMNO sehari kemudian.

Ruhanie, yang juga anggota Parlimen Parit Sulong berkata, pada pertemuan itu Dr Mahathir telah memberikan penjelasan terperinci selama 40 minit berhubung pemecatan Anwar selain menjawab soalan yang dikemukakan oleh beberapa anggota BBC.

Katanya, semua anggota BBC yang tidak hadir pada pertemuan itu kerana mempunyai urusan lain, telah menyatakan sokongan mereka kepada Perdana Menteri.

Penjelasan mengenai isu pemecatan Anwar itu akan diselitkan dalam majlis-majlis bersama rakyat di kawasan Parlimen masing-masing, katanya lagi.

Sementara itu Presiden Kelab Anggota Parlimen UMNO, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis yang turut sama pada persidangan berita itu berkata, rakyat perlu diberikan penjelasan supaya mereka dapat mengasingkan isu peribadi Anwar dengan isu-isu lain.

"Kita bimbang rakyat terkeliru dengan isu sekarang, isunya bukan pembelaan rakyat, isunya bukan untuk memimpin rakyat, isunya sekarang ini ialah dari segi peribadi Datuk Seri Anwar itu sendiri," katanya.

Rakyat mungkin sukar untuk melihat dengan jelas isu itu kerana latarbelakang Anwar yang mempunyai "imej seorang pemimpin Islam".

Ruhanie turut meminta rakyat supaya sentiasa memelihara keselamatan negara dan ketenteraman awam selain memahami bahawa masalah pembelaan rakyat adalah masalah yang ditugaskan kepada kerajaan.

"Kalau Anwar nak membela rakyat, adalah dalam kapasitinya sebagai wakil rakyat Permatang Pauh," katanya.

-- BERNAMA

AFY oba